

0067

B B754 DEB  
MAHATHIR - UMNO

(I)

KUALA LUMPUR, 13 SEPT (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MAHU MENYATUKAN PELBAGAI PUKA DALAM PARTI ITU YANG TIMBUL EKORAN PEMILIHAN PARTI APRIL LEPAS.

+LAWATAN SAYA KE SELURUH NEGARA ADALAH UNTUK TUJUAN INI,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MELANCARKAN PAPAN TANDA KEJIRANAN PUBLIC BANK BHD DI BANDAR TUN RAZAK DI SINI HARI INI.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU AKAN MENCADANGKAN LANGKAH-LANGKAH KE ARAH MENCAPAI USAHA ITU PADA MESYUARAT-MESYUARAT TERTUTUP DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO.

KATANYA, BELIAU MERASAKAN CARA ITU MEMBOLEHKAN BELIAU BEBAS MENGELUARKAN PENDAPAT DARIPADA MENYATAKANNYA PADA UMUM.

DATUK SERI DR MAHATHIR SEBELUM ITU DITANYA BAGAIMANA BELIAU BERCADANG MENYATUKAN PENYOKONG-PENYOKONG +KUMPULAN A+ DAN +KUMPULAN B+ YANG WUJUD EKORAN PEMILIHAN PARTI APRIL LEPAS. -- LAGI

1752MST 13 09 87

0068

B B755 DEB  
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR

(I)

PANGGILAN +KUMPULAN A+ DITUJUKAN KEPADA PENYOKONG-PENYOKONG DATUK SERI DR MAHATHIR MANAKALA +KUMPULAN B+, PARA PENYOKONG BEKAS MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH YANG TEWAS DALAM PEMILIHAN JAWATAN PRESIDEN PARTI.

SEMASA LAWATANNYA KE LABUAN DUA HARI LEPAS, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MASANYA TELAH TIBA UNTUK MENGUKUHKAN PERPADUAN PARTI YANG RETAK EKORAN PEMILIHAN ITU.

MENURUTNYA, TIDAK ADA LAGI +KUMPULAN A+ ATAU +KUMPULAN B+ DALAM PARTI ITU TETAPI YANG ADA HANYALAH +KUMPULAN UMNO+. -- BERNAMA

1753MST 13 09 87